

Syarikat. Jepun dipelawa guna MSC

BH 11 JUN 2000

TOKYO: Malaysia menjemput syarikat teknologi maklumat (IT) dari Jepun untuk menggunakan Koridor Raya Multimedia (MSC) sebagai pusat operasi, kajian dan ujian untuk dihubungkan kepada seluruh dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia mahu menarik syarikat IT di Jepun ke MSC kerana potensinya yang besar serta mempunyai segala kemudahan yang diperlukan untuk tujuan itu.

"Saya telah mengadakan pertemuan dengan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Softbank Corporation, Masayoshi Son, dan beliau telah berikrar akan memulakan sesuatu di MSC," katanya kepada pemberita selepas melawat pusat Kajian & Pembangunan Toyota Motor Corporation di Higashi-Fuji, kira-kira 100 kilometer dari sini. Turut serta Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Softbank Corporation memiliki beberapa syarikat Internet dan mempunyai kepentingan dalam beberapa syarikat besar seperti Yahoo!, E*Trade, E-Loan, InsWeb, BUY.Com dan Webvan di seluruh dunia.

Dr Mahathir berkata MSC mempunyai kelebihan berbanding koridor multimedia di beberapa negara lain kerana luasnya yang luas iaitu 50 kilometer panjang dan 15 kilometer lebar.

"MSC mempunyai undang-

undangnyanya yang sendiri, dasar berasingan, amalan berlainan dan kemudahan infrastruktur yang diperlukan oleh syarikat IT. Ini semua menjadikannya seolah-olah seperti sebuah negara baru, manakala koridor lain hanya menawarkan sebuah bangunan atau sepanjang sebatang jalan saja.

"Mereka tidak boleh mewujudkan sebuah koridor sebesar MSC," katanya.

Mengenai pertemuan beberapa pemimpin Asean dengan Perdana Menteri Jepun, Yoshiro Mori, Jumaat lalu, Dr Mahathir berkata Mori berjanji akan membawa mesej Asia ke mesyuarat G8 yang akan diadakan di Okinawa, bulan depan.

"Saya memberitahu Mori mengenai ketetapan mesyuarat Kumpulan 77 di Havana, Cuba, yang mahu suara Asia dalam G8, iaitu memberi peluang kepada negara Asia memberi pandangan dan cadangan sebelum kumpulan itu memutuskan sesuatu yang boleh memberi kesan terhadap ekonomi negara membangun.

"Kita (negara membangun) tidak bercadang menyertai mesyuarat itu, tetapi sekurang-kurangnya mereka (G8) perlu mendengar pandangan kita," katanya.

Dr Mahathir berkata dalam pertemuan itu, Mori juga memberi jaminan akan meneruskan dasar bekas Perdana Menteri, Keizo Obuchi, iaitu melalui dasar mesra Asia.

Katanya, Obuchi telah banyak membantu negara Asia

dan Malaysia (ketika krisis ekonomi 1997) dan berharap Mori akan meneruskannya.

Mengenai Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), beliau berkata, sudah ada tanda-tanda ia semakin diterima, tetapi tidak semestinya dikenali sebagai EAEC.

"Ia boleh dikenali sebagai Asean+3. Yang penting sudah ada kerjasama erat antara Asia Timur dan Asia Tenggara," katanya.

Ditanya pendirian Pengarah Urusan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) baru, Horst Koehler yang dikatakan tidak membantah penubuhan Tabung Mata Wang Asia (AMF) yang dicadangkan Jepun, Dr Mahathir berkata: "Kami sambut baik pendirian baru itu, walaupun ada syarat yang dikenakan, iaitu AMF tidak akan cuba melemahkan fungsi IMF.

"Saya rasa tidak patut mereka kenakan syarat. Kita tidak bercadang melemahkan pengaruh mereka," katanya.

Dr Mahathir juga berkata beliau tidak menyokong pandangan abad 21 adalah abad Asia.

"Ini adalah abad seluruh dunia. Kita sepatutnya berkongsi segala-galanya, bukannya menubuhkan blok perdagangan seperti Nafta (Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara) atau EU (Kesatuan Eropah).

"Kekayaan dalam dunia ini cukup untuk semua orang, mengapa tidak kita berkongsi. Tak perlu bagi sesiapa pun untuk cuba membolot semuanya," katanya.